

1,000 >> Bilangan responden terbabit dalam kajian dijalankan UPM

28-06-2016

setempat

23

A

HARIAN METRO

Panahan **cinta** warga asing

■ **Warga Bangladesh pandai guna 'ayat manis'**

■ **Gadis seberang beri 'layanan kelas pertama'**

Siti Fatimah Hassan
sfhassan@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

Sebahagian besar wanita muda tempatan yang berkahwin dengan warga asing khususnya dari Bangladesh mengakui mereka tertambat dengan ciri-ciri kehebatan lelaki terbabit menggunakan 'ayat manis' yang memikat hati berbanding lelaki tempatan.

Manakala, bagi lelaki tempatan pula, mereka memilih untuk berkahwin dengan gadis seberang disebabkan oleh 'layanan kelas pertama' yang diberikan.

Itu adalah antara dapatan yang diperoleh menerusi kajian yang dilakukan membabitkan kira-kira 1,000 responden bagi mengenal pasti faktor dan punca rakyat tempatan lebih berminat memilih warga asing iaitu Bangladesh dan Indonesia

sebagai pasangan hidup.

Pakar sosial yang juga Timbalan Naib Canselor Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof Datuk Dr Mohammad Shatar Sabran berkata, berdasarkan kajian itu membabitkan wanita dan lelaki muda berusia bawah 25 tahun.

Katanya, beliau tidak menolak faktor berlakunya perkahwinan itu bukan hanya disebabkan oleh cinta, tetapi membabitkan isu untuk menikmati kelebihan seperti warganegara tempatan.

"Saya sebenarnya melakukan kajian ini beberapa tahun lalu disebabkan isu perkahwinan dengan warga asing ini dibangkitkan. Hasil daripada kajian membabitkan 1,000 responden mendapati wanita tempatan lebih tertarik dengan ciri-ciri lelaki Bangladesh yang bijak menggunakan 'ayat manis' berbanding lelaki tempatan.

"Ini adalah hasil yang diperoleh dan alasan paling

populer dalam kalangan responden kerana secara umumnya, kita memang suka dihargai apatah lagi apabila diberikan dengan kata pujian seperti yang dilakukan lelaki Bangladesh.

"Manakala, bagi lelaki tempatan pula, kebanyakan responden memilih wanita dari Indonesia disebabkan layanan yang diberikan diibaratkan seperti melayan seorang 'raja'. Ini adalah alasan yang diberikan," katanya ketika ditemui di pejabatnya, di sini, semalam.

Ketika menjawab soalan tambahan Senator Datuk Dr Johari Mat pada sidang Dewan Negara minggu lalu, Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Dr Asyraf Wajdi Dusuki berkata, kerajaan mahu mengkaji dengan terperinci faktor utama rakyat tempatan yang dilihat semakin ramai mengahwini warga asing.

Beliau berkata, kajian itu perlu dijalankan bagi melihat

sama ada pasangan warga asing hanya mahu mendapatkan status penduduk tetap, percintaan atau faktor lain.

Bagaimanapun, Dr Mohammad Shatar, tidak melihat fenomena itu sebagai satu perkara merunsingkan kerana hanya terdapat sekitar satu peratus daripada jumlah keseluruhan rakyat Malaysia yang berkahwin dengan warga asing.

Katanya, kerajaan sepatutnya lebih memberi fokus terhadap isu perceraian yang tinggi berikutan statistik dikeluarkan sebelum ini agak membimbangkan.

"Kita boleh buat kajian, namun saya berpendapat isu perceraian yang tinggi lebih utama. Apa pun, dalam membincangkan isu perkahwinan warga asing ini, bimbingan dan nasihat perlu diberikan terutama ke-

pada wanita muda yang mahu berkahwin. Mereka perlu sedar perkahwinan itu tidak hanya semata-mata atas dasar cinta tetapi soal ekonomi juga," katanya.

“Perkahwinan itu tidak hanya semata-mata atas dasar cinta Mohammad Shatar”

